

Media Title	: Utusan Sarawak
Headline	: KRT berperanan jaga keselamatan setempat
Date	: 20 March 2022
Page	: 15

KRT berperanan jaga keselamatan setempat

BINTULU: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) menggalas banyak tugasannya selain menjaga keselamatan kampung, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu Johnny Pang.

Menurutnya, ini kerana KRT bertanggungjawab untuk menjamin keselamatan komuniti setempat menerusi program atau aktiviti yang dilaksamakan.

"Melalui Program RT Care semasa Covid-19, KRT dapat dilihat turut memberikan pertolongan kepada golongan asnaf dan mereka yang terjejas pendapatan disebabkan pengaruhkusahaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Selain itu, melalui Zairah Perpaduan,

KRT juga mempertegas tanggungjawab

komuniti rukun tetangga terhadap isu,

masalah, keperluan dan kebaikan komuniti setempat, katanya pada majlis anjuran KRT Kampung Asyakirin Fasa 2 di sebuah hotel di sini pada malam Jumat lalu.

Justeru, beliau berharap, KRT akan

terus merangka program dan menggalas tugas dalam memperkasa KRT melalui pengarahan pelbagai aktiviti.

"Misalnya aktiviti seperti gotong-ro-

ong, sukan dan rekreasi yang dapat

memudahkan kehidupan sifat untuk

semua golongan di samping turut dapat

mengeraikan perpaduan antara satu

sama lain.

"Saya sebagai wakil rakyat yang

dipilih untuk DUN Tanjung Batu, akan

sentiasa memberikan sokongan kepada

program KRT yang dilaksanakan demi

keselesaan semua penduduk," ujarnya.



KENANGAN... Johnny Pang bergambar dengan Ahli Jawatankuasa Kecil (AJK) KRT Kampung Asyakirin Fasa 2 pada majlis iringkas baru-baru ini.